



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN

**AKTIVITI HIBURAN (KONSERT)
DI UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
2023**

SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN

SENARAI KANDUNGAN

1.0	Latar Belakang	1
2.0	Tujuan	1
3.0	Tafsiran Dan Singkatan	2
4.0	Kelulusan Aktiviti	5
5.0	Penganjuran Konsert	6
6.0	Masa Pelaksanaan Konsert	6
7.0	Artis Jemputan	7
8.0	Penampilan Artis Di Atas Pentas	7
9.0	Penari Iringan	8
10.0	Genre Muzik	8
11.0	Kedudukan Penonton	8
12.0	Paparan Pada Led Skrin Sepanjang Konsert	9
13.0	Peralatan Muzik	9
14.0	Poster Dan Bahan Edaran Konsert	10
15.0	Fungsi Penasihat Dan Pegawai Pemantau	10
16.0	Pelanggaran Syarat Dan Peraturan	10

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1** Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dalam melaksanakan aktiviti hiburan berbentuk konsert di dalam premis Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
- 1.2** Adalah menjadi hasrat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) , supaya satu Garis Panduan yang terkini dan komprehensif dapat diterbitkan bagi membantu memudahkan pihak Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dalam menjalankan aktiviti dan program mahasiswa berbentuk hiburan khususnya konsert.

2.0 TUJUAN

Garis Panduan ini merupakan dokumen rujukan dan hanya pihak Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau KM sahaja berhak meminda atau membatalkan mana-mana perkara di dalam Garis Panduan ini.

Secara dasarnya, Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan perkara-perkara berikut:

- 2.1** Menetapkan tatacara yang terperinci bagi pelaksanaan aktiviti dan program hiburan berbentuk konsert yang dianjurkan oleh pelajar di dalam Universiti.
- 2.2** Memastikan setiap aktiviti hiburan berbentuk konsert tidak melampaui batasan yang sepatutnya sehingga memberi pengaruh tidak sihat terutama membabitkan golongan mahasiswa.
- 2.3** Menjaga nama baik Universiti sebagai pusat pengembangan ilmu agar tidak tercemar dengan aktiviti hiburan yang dianggap melampau di mata masyarakat dan;
- 2.4** Menjaga nama baik Universiti sebagai sebuah tempat menimba ilmu.

3.0 TAFSIRAN DAN SINGKATAN

Bagi maksud garis panduan ini, tafsiran berikut adalah diguna pakai bagi pengertian yang merujuk kepada:

“**Konsert**” merujuk kepada persembahan muzik oleh penyanyi atau pemain muzik di hadapan penonton (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke-4). Mengambil dari intipati makna tersebut, garis panduan ini menetapkan makna konsert sebagai persembahan muzik melibatkan penyanyi dan pemain muzik atau penyanyi tanpa pemain muzik di hadapan penonton. Konsert di Universiti Awam dan Swasta merujuk kepada penganjuran oleh persatuan pelajar atau staf atau Jabatan di dalam universiti atau persatuan-persatuan staf di dalam universiti.

“**Hiburan**” merujuk kepada sesuatu yang dapat menghiburkan (menyukakan, menggemirakan) hati; sesuatu (perbuatan, benda, dll) untuk menghiburkan (menyenangkan, menenteramkan) hati; suatu kegembiraan, kegirangan dan ketenteraman hati yang diperolehi oleh mana-mana orang daripada sesuatu perkara; suatu seni, kebolehan dan keupayaan untuk menghiburkan serta memberikan kepuasan dalam apa jua cara yang munasabah untuk menggirangkan mana-mana orang; dan suatu persembahan kesenian dan kebudayaan yang dipamerkan dan dipersembahkan kepada penonton.

“**Konsert Tertutup**” merujuk kepada konsert yang dijalankan di dalam dewan atau tempat tertutup di Universiti.

“**Konsert Terbuka**” merujuk kepada konsert yang dijalankan di tempat yang terbuka seperti di padang, tapak ekspo dan lain-lain lagi di dalam premis Universiti.

“**Premis**” merujuk kepada bangunan atau apa-apa struktur lain, kekal atau sebaliknya. Premis di dalam dokumen ini merujuk kepada kawasan di dalam universiti meliputi dewan, padang, tapak ekspo dan lain-lain lagi

“**Mosh Pit**” merujuk kepada satu kawasan yang disediakan untuk penonton berdiri di dalam konsert.

“**Alatan Muzik**” merujuk kepada peralatan muzik yang digunakan semasa konsert dijalankan.

“**Penganjur**” merujuk kepada Jawatankuasa Penganjur Konsert.

“**JHEPA**” merujuk kepada Jabatan atau Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

“**Pusat Kebudayaan**” merujuk kepada Pusat atau Bahagian atau Unit Seni Budaya dan Warisan Universiti Awam.

“**Prosedur**” merujuk kepada tatacara atau aturan dalam menjalankan konsert di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

“**Persembahan**” merujuk kepada persembahan di dalam konsert di Universiti.

“**Segmen**” merujuk kepada bahagian-bahagian di dalam persembahan konsert di Universiti.

“**Kelulusan**” merujuk kepada kelulusan penganjuran aktiviti konsert yang telah melalui Jawatankuasa MPP/KM bagi penganjuran aktiviti dan kelulusan Pengurusan Universiti bagi penilaian risiko.

“**Jawatankuasa MPP/KM**” merujuk kepada jawatankuasa yang dibentuk di peringkat MPP/KM untuk meluluskan cadangan penganjuran aktiviti konsert sebelum penilaian risiko.

“**Pengurusan Universiti**” merujuk kepada Jawatan Kuasa Penilaian Risiko Penganjuran Konsert di peringkat universiti. Ahli Jawatan Kuasa Penilaian Risiko tertakluk kepada pelantikan oleh pihak universiti.

“**Penilaian Risiko**” merujuk kepada penilaian ringkas ke atas proses pengelasan risiko semasa penganjuran konsert serta langkah kawalan risiko berdasarkan pelbagai kombinasi maklumat contohnya; aksi luar jangka, keselamatan lokasi, pendedahan kepada bahan-bahan terlarang yang berbahaya dsb.

“**Pegawai**” merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk menyemak, memberi khidmat nasihat dan mengesahkan kertas kerja penganjuran konsert oleh pelajar.

“Pegawai Pemantau” merujuk kepada pegawai yang dilantik oleh pihak berkuasa universiti bagi memantau perjalanan konsert.

“Peraturan Universiti” merujuk kepada peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

“Penampilan Pelajar” merujuk kepada tatacara atau garis panduan atau kaedah-kaedah yang digazetkan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) terhadap pelajar dari segi etika pemakaian. Perkara ini merujuk kepada kod etika pakaian, rambut dan lain-lain perkara yang dianggap bersangkutan dengan penampilan pelajar universiti.

“Menjolak Mata” merujuk kepada pakaian atau persembahan atau perbuatan yang tidak sopan oleh mereka yang terlibat di dalam konsert dan menimbulkan rasa tidak selesa kepada orang lain.

“Artis Dalaman” merujuk kepada peserta persembahan dalam kalangan pelajar atau staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Mereka terdiri daripada penyanyi, pemuzik, pelawak atau lain-lain profesion yang dijemput untuk menjayakan konsert.

“Artis Luar” merujuk kepada penghibur, penyanyi, penari, pemuzik yang bukan terdiri daripada kalangan pelajar atau staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Mereka terdiri daripada artis profesional dan semi profesional luar.

“Artis Jemputan” merujuk kepada peserta persembahan bukan dalam kalangan pelajar atau staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Artis jemputan ini terdiri daripada penyanyi, pemuzik, pelawak, ahli silap mata atau lain-lain profesion, yang dibawa khas untuk menjayakan konsert. Mereka mewakili individu atau syarikat.

“Pengacara” merujuk kepada juruacara konsert sama ada bagi segmen berprotokol atau semi-protokol.

“Koreografer” merujuk kepada orang yang merekacipta gerak-geri tarian.

“Penari” merujuk kepada penari; anak tari, tukang tari yang mengiringi persembahan artis semasa konsert.

“Resital” merujuk kepada persembahan pentas bagi tujuan akademik

pengajian seni. Resital juga merujuk kepada penilaian akademik melalui persembahan untuk tujuan akademik.

“**Genre**” merujuk kepada kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu. Genre di dalam dokumen ini merujuk kepada jenis aliran muzik di dalam penganjuran muzik.

“**Kontrak**” merujuk kepada kontrak di antara penganjur dan syarikat untuk menjalankan konsert.

“**Penaja**” merujuk kepada mereka yang menaja untuk konsert sama ada dalam bentuk wang atau barangan. Penaja terdiri daripada orang perseorangan, syarikat, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan parti politik.

“**Susun Atur**” merujuk kepada susunan di dalam dewan konsert. Susun atur ini melibatkan kedudukan penonton, pentas persembahan, kedudukan VIP, pintu keluar masuk, dan pintu kecemasan jika berlaku kecemasan.

“**Laluan Kecemasan**” merujuk kepada laluan kecemasan jika berlaku sebarang kecemasan atau bencana. Adalah menjadi tanggungjawab pihak penganjur menyediakan laluan kecemasan ini.

“**Pihak Berkuasa Tempatan**” merujuk kepada Majlis/Dewan Bandaraya; atau Majlis Perbandaran; atau Majlis Daerah mengikut lokaliti masing-masing yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus kemudahan awam di sesebuah daerah, bandar dsb.

4.0 KELULUSAN AKTIVITI

- 4.1** Selaras dengan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa, pihak MPP/KM diberi tanggungjawab dan kuasa yang bersesuaian untuk merancang, meluluskan dan melaksanakan aktiviti/program pelajar yang dianjurkan oleh mana-mana persatuan/badan pelajar di peringkat universiti (*Rujuk Tatacara Pengurusan Aktiviti Pelajar di Universiti-Universiti Awam; 2023*).
- 4.2** Setiap penganjuran aktiviti/program berbentuk konsert perlu mendapat **kelulusan penganjuran aktiviti daripada Jawatankuasa peringkat MPP/KM** terlebih dahulu. Kemudian, perlu melalui Penilaian Risiko oleh pihak Pengurusan Universiti.
- 4.3** Pihak JPT berhak memberi teguran atau mencadangkan apa-apa tindakan

terhadap pelaksanaan konsert jika didapati memberi impak yang negatif di pelbagai peringkat. Pihak JPT perlu menyediakan ruang untuk justifikasi sekiranya pembentangan ditolak bagi penambahbaikan.

5.0 PENGANJURAN KONSERT

- 5.1** Jawatankuasa penganjur konsert perlulah terdiri daripada seorang penasihat dalam kalangan pegawai universiti yang diiktiraf kepakarannya dalam mengendalikan, memberi khidmat nasihat dan menguruskan sebarang risiko serta pelan kontingensi terhadap acara konsert yang hendak dilaksanakan.
- 5.2** Penasihatatan teknikal dan pengurusan acara perlu dirujuk kepada Pusat atau Bahagian Kebudayaan Universiti.
- 5.3** Penasihatatan keselamatan perlu dirujuk kepada Bahagian Keselamatan Universiti dari semasa ke semasa.
- 5.4** Semua perkara berkaitan promosi dan publisiti program di *poster, banner, bunting, backdrop, wall of fame, portal*, media sosial dan semua bentuk hebahan termasuk bahan digital perlu mendapat pengesahan dan kelulusan dari penasihat program.
- 5.5** Penganjur mesti memastikan persembahan konsert tidak mendorong kepada kelakuan melampau artis atau penonton atau sekretariat dan tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh memecah belahkan perpaduan kaum.

6.0 MASA PELAKSANAAN KONSERT

- 6.1** Konsert pada sebelah malam perlu bermula selewat-lewatnya jam 8.45 malam dan dihabiskan tidak melebihi jam 11.59 malam.
- 6.2** Konsert perlu bermula pada waktu yang ditetapkan walaupun VIP masih tidak hadir (kecuali melibatkan VVIP DiRaja).
- 6.3** Pelaksanaan konsert pada waktu siang bergantung kepada kelulusan MPP/KM.
- 6.4** Segmen di dalam konsert hendaklah disusun dengan teratur dan tidak memakan masa yang lama bagi pertukaran artis dan teknikal.

7.0 ARTIS JEMPUTAN

- 7.1** Penganjur perlu memastikan artis jemputan tidak mempunyai kontroversi di dalam negara mahupun di luar negara.
- 7.2** Penganjur perlu memastikan artis jemputan tidak mewakili atau dikaitkan dengan kumpulan yang tidak diiktiraf oleh masyarakat atau undang-undang Malaysia (Contoh: LGBT, Lesbian dan lain-lain lagi).
- 7.3** Penganjur perlu memastikan artis jemputan tidak mendatangkan mudarat atau merosakan imej universiti semasa membuat persembahan di atas pentas di dalam premis universiti (Contoh: menghisap rokok dan lain-lain lagi)

8.0 PENAMPILAN ARTIS DI ATAS PENTAS

- 8.1** Penganjur perlu memastikan pakaian artis semasa di atas pentas tidak menjolok mata. Tidak dibenarkan lelaki menyerupai pakaian wanita dan sebaliknya.
- 8.2** Artis jemputan luar lelaki berambut panjang perlu mengikat rambut dan tidak dilepaskan sepanjang persembahan. Artis jemputan dalaman terdiri daripada pelajar dan staf tidak dibenarkan berambut panjang.
- 8.3** Penganjur perlu memastikan artis tidak memakai sebarang perlambangan yang tidak diterima oleh masyarakat (Contoh: Lambang Iluminati pada baju, lambang lucah, lambang yang menyatakan sokongan kepada LGBT, rambut punk dan lain-lain lagi).
- 8.4** Penganjur perlu memastikan artis lelaki tidak memakai rantai, subang dan gelang. Walau bagaimanapun, pemakaian tradisional dan perhiasan atas alasan ritual agama dibenarkan.
- 8.5** Penganjur perlu memastikan artis lelaki tidak memakai seluar pendek semasa persembahan dan sesi uji bunyi (*sound check*).
- 8.6** Penganjur perlu memastikan artis jemputan tidak melakukan aksi yang memberahikan.
- 8.7** Penganjur mestilah memastikan semua yang terlibat secara langsung dalam penganjuran konsert sama ada artis, sekretariat dan penonton yang terlibat

dalam konsert mengenakan pakaian bersesuaian dan sopan.

9.0 PENARI IRINGAN

9.1 Jika persembahan konsert artis bersama penari iringan, penganjur perlu memastikan:

9.1.1 Pakaian penari tidak menjolok mata.

9.1.2 Tidak ada sentuhan antara penari lelaki dan perempuan di atas pentas.

9.2 Penganjur perlu membuat perbincangan bersama penasihat dan koreografer untuk menentukan hala tuju tarian yang hendak dipersembahkan.

9.3 Penganjur perlu memastikan penari tidak melakukan gerak tarian yang memberahikan semasa persembahan.

10.0 GENRE MUZIK

10.1 Penganjur perlu memastikan genre muzik dan lirik lagu yang akan dipersembahkan mendapat kelulusan daripada MPP/KM.

10.2 Penganjur perlu memastikan lirik lagu yang akan dipersembahkan oleh artis berkumpulan atau individu tidak menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia.

11.0 KEDUDUKAN PENONTON

11.1 Penganjur perlu menyediakan tempat duduk penonton bagi penganjuran konsert di dalam dan luar dewan.

11.2 Penganjur perlu bekerjasama dengan pihak keselamatan universiti dan polis (jika perlu) untuk kawalan penonton bagi konsert di dalam dan luar dewan.

11.3 Penganjur **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyediakan kawasan bagi penonton berdiri (*Mosh Pit*).

11.4 Penganjur perlu memastikan pengasingan tempat duduk bagi:

11.4.1 Penonton lelaki

- 11.4.2 Penonton perempuan
- 11.4.3 Penonton berkeluarga

11.5 Tidak digalakkan artis menjemput penonton ke atas pentas.

11.6 Penganjur perlu menyediakan laluan kecemasan jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Pengacara perlu memberi peringatan kepada penonton tentang laluan kecemasan. Taklimat keselamatan perlu diberikan kepada penonton di awal program sebelum acara konsert bermula sama ada secara tayangan video atau taklimat oleh pengacara.

12.0 PAPARAN PADA LED SKRIN SEPANJANG KONSERT

12.1 Penganjur perlu memastikan paparan pada led skrin sepanjang konsert berlangsung tidak memaparkan apa-apa perlambangan yang menyentuh sensitiviti agama, kaum dan politik.

12.2 Penganjur perlu memastikan paparan led skrin yang akan dipaparkan pada konsert harus ditunjukkan semasa sesi raptai.

12.3 Penganjur perlu memastikan tidak ada sebarang perlambangan yang menyentuh sensitiviti masyarakat Malaysia dipaparkan di lokasi acara sepanjang konsert berlangsung.

13.0 PERALATAN MUZIK

13.1 Peralatan muzik perlulah sesuai dengan konsert yang akan dianjurkan.

13.2 Penganjur perlu memastikan peralatan muzik artis jemputan dalam dan luar tidak mempunyai sebarang pelekat yang melambangkan sebarang sokongan terhadap kumpulan yang tidak diiktiraf oleh Undang-undang Malaysia, logo atau lambang lucah, atau logo politik. (Contoh: Sticker LGBT pada gitar, logo politik pada *floor tom drum* dan lain-lain lagi).

13.3 Peralatan muzik berbentuk senjata **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali digunakan. (Contoh gitar berbentuk senapang, gitar berbentuk trisula Majapahit dan lain-lain lagi).

14.0 POSTER DAN BAHAN EDARAN KONSERT

- 14.1** Penganjur perlu mengikut protokol/prosedur dari pejabat korporat Universiti dalam menyediakan bahan edaran samada berbentuk poster, bunting, brosur atau sebarang risalah untuk tujuan promosi dan publisiti.
- 14.2** Kedudukan logo universiti dan logo penganjur serta penaja perlu mengikut susunan logo yang betul berdasarkan protokol.
- 14.3** Bagi penggunaan logo rasmi KPT untuk sebarang tujuan promosi dan publisiti perlu mendapat kelulusan pihak KPT terlebih dahulu.
- 14.4** Penganjur diingatkan supaya menjaga imej universiti dan KPT dalam menyediakan sebarang risalah.

15.0 FUNGSI PENASIHAT DAN PEGAWAI PEMANTAU

- 15.1** Pengurusan universiti perlu melantik Penasihat/Pegawai Pemantau yang mempunyai pengalaman dalam memberi khidmat nasihat dan membimbing pelajar-pelajar, namun proses pengurusan, pelaksanaan diserahkan kepada pelajar sehingga program berjaya dilaksanakan. Penasihat/Pegawai Pemantau harus terdiri daripada pegawai universiti (Gred 41 dan ke atas). Peranan mereka adalah untuk memantau perjalanan keseluruhan konsert daripada peringkat awal hingga selesai.
- 15.2** Penasihat/Pegawai Pemantau perlu membuat pemantauan perjalanan konsert sebelum, semasa, dan selepas VIP keluar dari konsert sehingga selesai pelajar beredar dari lokasi acara.

16.0 PELANGGARAN SYARAT DAN PERATURAN

- 16.1** Pelajar atau Badan Persatuan atau Penganjur yang melanggar Garis Panduan yang telah ditetapkan akan dikenakan tindakan mengikut mana-mana yang berkaitan seperti berikut:
 - 16.1.1** Mana-mana pelajar melanggar peraturan yang ditetapkan dan program tersebut menjejaskan imej dan reputasi universiti, konsert tersebut boleh dibatalkan serta merta. Tindakan tatatertib boleh diambil kepada penganjur berdasarkan kepada kaedah-kaedah Tatatertib Pelajar-Pelajar yang sedang berkuatkuasa.

- 16.1.2** Tempahan dan penggunaan premis akan terbatal sama ada sebelum atau semasa program dijalankan.
- 16.1.3** Bayaran Deposit (jika melibatkan tempahan dari luar) akan disenarai hitamkan untuk penggunaan premis pada masa akan datang.
- 16.1.4** Tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada penganjur (jika melibatkan organisasi luar) berdasarkan kepada penilaian tahap risiko kerugian, keselamatan, kerosakan, reputasi dan imej Universiti.
- 16.1.5** Universiti berhak membuat aktiviti rakaman konsert bagi tujuan rekod dan bukan tujuan komersial.